

## **STANDARDIDASI EJAAAN TOPONIM BAGI BRUNEI DARUSSALAM**

Norati binti Bakar  
Dewan Bahasa dan Pustaka

Prinsip pengejaan nama-nama geografi mengakui bahawa nama geografi (toponim), seperti juga nama khas yang lain, tidak semestinya tertakluk kepada peraturan ejaan yang digunakan untuk kata-kata lain dalam bahasa Melayu. Walaupun ejaan baku, pada umumnya, akur kepada peraturan bahasa Melayu, tetapi kaedah pengejaan toponim boleh juga menggambarkan sejarah ejaan dan bentuk yang lazim digunakan atau yang disukai oleh penduduk tempatan. Dengan perkataan lain, pengejaan nama-nama geografi diizinkan merentasi tatabahasa bahasa Melayu. Dalam hal-hal tertentu, amalan menamakan tempat hendaklah mengambil kira bahasa Melayu yang dituturkan pada masa kini oleh masyarakat tempatan dan juga pelbagai bahasa lain. Sehubungan dengan pernyataan di atas, kajian ini memfokuskan pembicaraan mengenai “*Standardisasi Ejaan Toponim bagi Negara Brunei Darussalam.*” Program standardisasi ejaan nama-nama geografi bagi Negara Brunei Darussalam disoroti berdasarkan metode kajian kepustakaan dan metode kajian lapangan amali. Objektif kajian ialah menyebarkan informasi kepada masyarakat awam tentang sejauh manakah prinsip atau prosedur pengejaan nama-nama geografi diizinkan merentasi sistem terkini bahasa Melayu. Di samping itu, pihak awam perlu diberitahu bahawa penstandardan nama-nama geografi juga dapat mengekalkan warisan budaya bangsa. Senada dengan objektif tersebut, antara toponim yang menjadi sasaran kajian ialah ejaan toponim yang menggambarkan bentang alam (nama generik) dan nama diri atau nama spesifik. Penelusuran program standardisasi ejaan nama-nama geografi bagi Negara Brunei Darussalam hanya dibataskan bagi tempoh sejak termaktubnya bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dalam *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*. Dalam hal ini, akan dibincangkan apakah pengaruh atau hambatan akibat pertembungan pelbagai Sistem Ejaan Rumi Lama dengan Sistem Ejaan Rumi Baru (tahun 1972) yang berlangsung di rantau Melayu pada masa tersebut. Perlu ditekankan bahawa penggunaan sistem baru ini secara rasminya diperkenankan dalam urusan-urusan rasmi di Negara Brunei Darussalam pada 13 April 1983, melalui Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil.5/1983, sebelum negara ini mencapai kemerdekaan.

**STANDARDIZATION OF  
TOPONYM SPELLING FOR BRUNEI DARUSSALAM**

By: Hajah Norati binti Bakar  
Literature and Language Bureau

The principle of spelling of geographical names (toponyms) admits that the geographical names (toponym), as well as other proper names, do not need to follow the current spelling rules used for other words in Malay. Although the so-called standard spelling of words, in general, observes the rules of Malay, the spelling of toponyms may represent the history of spelling and the forms commonly used or preferred by the local people. In other words, the spelling way of geographical names is allowed to be against the Malay grammar. In certain cases, the geographical naming must take into account the factors of current Malay used by the local community as well as other local languages. In this regards, this study focuses on the discussion of "Standardization of Toponym Spelling for Brunei Darussalam.", being highlighted by way of literature study as well as field work. This study aims to diffuse to the public the information about to what extent the principle or procedure of spelling of geographical names is allowed to be against the current system of Malay. In addition, the public should be informed that the standardization of geographical names may also perpetuate the cultural heritage of the nation. It is also necessary to mention, in line with this objective, that the spelling of toponyms representing the landscapes (generic names) and the proper names or some modifiers is one of the targets of this study. This research of spelling standardization programme of geographical names of Brunei Darussalam is confined to the entire period since Malay language was mentioned as the official language of the country in *the constitution of Negeri Brunei 1959*. It will be discussed in this case what the influences or constraints are due to the confluence of the Old Spelling Systems and the New Spelling System (year 1972) that took place in Malay world. We need to stress that this new spelling system was introduced for the official affairs of this country on the 13<sup>th</sup> of April, 1983, through the Government Secretariat Office Circular Letter Ref:5/1983, before the independence of Negara Brunei Darussalam.

## 1. Pendahuluan

Standardisasi merupakan proses (perihal, perbuatan) menjadikan standard atau disebut juga sebagai pembakuan atau penstandardan (KBMN, 2011) atau dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai **standardization** |,standərdi'zā sh ən| *adopt (something) as one's standard. (New Oxford American Dictionary Version 2.0.2 (51.4) Copyright 2005-2007)*. Dalam konteks bahasa Melayu standardisasi bahasa Melayu meliputi segala aspek yang berkaitan dengan kebahasaan. Hal ini tidak mengecualikan program pengejaan nama-nama geografi, justeru dalam konteks Negara Brunei Darussalam program ini merupakan amanah yang dimandatkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu seperti yang diperakui dalam Garis Panduan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi sebagai yang berikut:

“Bahasa Rasmi Negara Brunei Darussalam ialah bahasa Melayu. Pada amnya, amalan menamakan tempat mestilah menggunakan bentuk ejaan dan bahasa Melayu yang mematuhi standard yang ditentukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka”

[www.survey.gov.bn](http://www.survey.gov.bn)

## 2. Permasalahan Kajian

Kajian ini akan memfokuskan pembicaraan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan program standardisasi ejaan toponim bagi Negara Brunei Darussalam. Antara yang difokuskan ialah mengenai pengaruh atau hambatan akibat pertembungan Sistem Ejaan Rumi (ejaan Rumi lama) dengan Sistem Ejaan Rumi Baru (tahun 1972) yang berlangsung di rantau Melayu pada waktu tersebut, sedangkan penggunaan sistem ejaan Rumi baru ini secara rasminya diperkenankan dalam urusan-urusan rasmi di Negara Brunei Darussalam pada

13 April 1983, melalui Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil.5/1983.

### **3. Objektif Kajian**

- i. Menyebarkan informasi kepada masyarakat awam sejauh manakah prinsip atau prosedur pengejaan nama-nama geografi diizinkan merentasi sistem bahasa Melayu terkini.
- ii. Memaklumkan kepada awam bahawa sandardisasi ejaan toponim bagi Negara Brunei Darussalam merupakan antara proses pewarisan budaya bangsa.
- iii. Mengenal pasti pengaruh dan hambatan dalam program standardisasi ejaan toponim bagi Negara Brunei Darussalam.

### **4. Metodologi**

Kajian deskriptif ini memanfaatkan kajian lapangan kepustakaan dan pengamatan atau lapangan amali melalui pengalaman pengkaji selaku salah seorang ahli Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi Negara Brunei Darussalam sejak 2010.

### **5. Dapatan Kajian**

Berdasarkan beberapa bukti korpus, penelitian ini mengemukakan dapatan-dapatan penelitian yang berikut:


#### **5.1 Amalan Menggunakan Ejaan Rumi Lama**

Hasil penelitian membuktikan bahawa kaedah pengejaan nama geografi atau toponim bagi Negara Brunei Darussalam ini berlangsung bertahap-tahap. Tahap pertama ialah pengamalan pengejaan nama geografi menggunakan ejaan Rumi



lama, iaitu diandaikan berlangsung sebelum Negara Brunei menjadi ahli Pertubuhan United Nation Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) untuk Asia Sout East dan Pacific West Division pada 1960<sup>1</sup>. Pengamalan menggunakan ejaan Rumi lama berlangsung di negara ini seiring dengan perkembangan sistem ejaan Rumi lama di rantau Melayu<sup>2</sup> pada ketika itu sehinggalah sistem Ejaan Rumi Baru (1972) diperkenankan penggunaannya di Brunei Darussalam pada 13 April 1983. Amalan menggunakan ejaan Rumi lama bagi mengeja toponim dikesan pada peta yang dipaparkan di bawah:

**Peta 1** : Peta Negara Brunei Darussalam Menggunakan Ejaan Rumi Lama




<http://d-maps.com/carte.php?>

<sup>1</sup> Negara Brunei menjadi ahli United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) untuk South East dan Pacific West Division sejak 1960. (Warta JKNG Brunei Darussalam, Tahun 1 Bilangan 1,

<sup>2</sup> Ejaan Latin (Rumi) diperkenalkan secara rasminya di Indonesia (Hindia-Belanda) pada 1901 dan di Malaya pada 1904 (Ejaan Ophuijsen dan Wilkinson) kedua-duanya berkembang berasingan selepas perang Dunia Ke-2 dan disatukan pada 1972 diantara Indonesia –Malaysia.


**Peta 1** yang dipaparkan di atas menggambarkan pengamalan ejaan Rumi lama bagi pengejaan toponim di Negara Brunei Darussalam. Berdasarkan ejaan yang direkodkan dalam paparan peta tersebut, jelas menunjukkan bahawa sistem ejaan Rumi lama digunakan untuk mengeja *toponim kategori generik* di seluruh daerah di negara ini, iaitu di Daerah Brunei Muara, antaranya *Kampong Parit, Kampong Jerudong, Kampong Paring, Kampong Bunut*. Di Daerah Tutong pula ialah *Kampong Kuala Abang, Kampong Benutan*. Begitu juga di Belait, seperti *Kampong Lumut, Kampong Kuala Balai, Kampong Teraja, dan Kampong Labi*. Sementara di Daerah Temburong ialah *Kampong Batang Duri, Kampong Labu*. Pengamalan mengeja toponim menggunakan ejaan Rumi lama ini dikesan berlangsung sehingga sekarang walaupun Jawatankuasa Nama-nama Ilmu Alam Negara<sup>3</sup> Brunei Darussalam ditubuhkan pada 1976 (rujuk Warta JKNG, 2012). Hal ini dapat dilihat pada salinan keratan geran tanah yang berikut ini yang jelas memperlihatkan pengamalan ejaan Rumi lama:



Berdasarkan catatan tarikh pada tandatangan Juru Ukur Agong pada geran tanah yang dipaparkan, iaitu 26.9.76 menjelaskan bahawa pada tarikh tersebut ejaan Rumi lamalah yang diamalkan di negara ini. Selain bukti-bukti di atas, amalan penggunaan ejaan Rumi lama ini dapat dikesan berdasarkan catatan toponim dalam peta yang berikut:

<sup>3</sup> Jawatankuasa Nama-nama Ilmu Alam dipengerusikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Peta 2 : Peta Toponim di Negara Brunei Darussalam  
Menggambarkan Penggunaan Ejaan Rumi Baru**



Buku Panduan Sempadan Mukim dan Kampung Daerah Tutong, 2010

Menurut **Peta 2** rata-rata ejaan toponim kategori generik membuktikan bahawa tahap kedua ialah pelaksanaan standardisasi ejaan toponim bagi Negara Brunei Darussalam kerana adanya transformasi ejaan *dari sistem ejaan Rumi lama kepada sistem ejaan Rumi baru*. **Peta 2** merupakan salah satu peta yang direkodkan dalam korpus, iaitu *BUKU PANDUAN SEMPADAN MUKIM DAN KAMPUNG (BRUNEI DAN MUARA, BELAIT, DAN TEMBURONG)*. Keempat-empat buah buku ini mencatatkan pelaksanaan standardisasi ejaan toponim pada peta dan juga papan tanda kampung dan mukim.

**Peta 2** memperlihatkan bahawa ejaan toponim kategori generik “kampung” (ejaan lama) telah dieja mengikut pola sistem ejaan Rumi baru, iaitu pola “a-u”, iaitu “kampung” antaranya *Kampung Menengah, Kampung Bukit Sulang*. Walau bagaimanapun **Peta 2** juga menunjukkan bahawa adanya pola ejaan Rumi lama. Contohnya toponim kategori spesifik “Panchung” (*Kampung Panchung*) dieja dengan

gugus konsonan (ch). Menurut pola sistem ejaan Rumi baru hanya lima gugus konsonan (gh, kh, ng, ny, dan sy) seperti dalam contoh perkataan yang dipaparkan di bawah sahaja yang diizinkan:

Gabungan Huruf Konsonan	Contoh Penggunaan dalam Kata			
	Di Depan	Di Tengah	Di Belakang	Di Depan
Gh	<i>ghaib</i>	<i>maghrib</i>	<i>Mubaligh</i>	<i>Ghaib</i>
Kh	<i>khusus</i>	<i>Akhir</i>	<i>Tarikh</i>	<i>Khusus</i>
Ng	<i>ngilu</i>	<i>Bangun</i>	<i>Senang</i>	<i>Ngilu</i>
Ny	<i>nyata</i>	<i>hanyut</i>	-	<i>Nyata</i>
Sy	<i>syarat</i>	<i>Asyik</i>	<i>Skuasy</i>	<i>Syarat</i>

(Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa Melayu DBP, 2009)

Seperti yang dinyatakan sebelumnya bahawa sistem ejaan Rumi baru hanya diperkenalkan pada 13 April 1983, maka fakta-fakta ini sekali gus membuktikan bahawa program *standardisasi ejaan toponim* di negara ini pada tempoh waktu yang dinyatakan di atas masih menggunakan ejaan Rumi lama, walhal Jawatankuasa Ilmu Alam ditubuhkan pada 5 Jun 1976 dan **Peta 2** di atas menjadi bukti penting yang merekodkan bahawa standardisasi toponim menggunakan Sistem *ejaan Rumi baru* hanya berlaku pada tahun 2006.

Hal ini disokong oleh pernyataan bahawa mesyuarat kali pertama JKNG hanya berlangsung pada 17 Ogos 2006, di Bilik Laila Muafakat Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas. Pernyataan ini juga menjelaskan bahawa antara fungsi JKNG menentukan ketepatan ejaan dan sebutan nama-nama geografi. (lihat Warta JKNG, 2012:3). Warta JKNG Brunei Darussalam juga mencatatkan pernyataan yang berikut “*bahawa penyelarasan ejaan dalam peta secara berperingkat-peringkat merupakan anataru isu yang menjadi perhatian awal JKNG<sup>4</sup>.*” Sementara gambar hasil lapangan yang berikut ini membuktikan bahawa sehingga sekarang masih ejaan Rumi lama masih digunakan:


<sup>4</sup> Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi Negara Brunei Darussalam (JKNG) ditubuhkan pada 2006 - ibid



Hasil Lapangan pada 2 Mei 2013

Gambar di atas membuktikan bahawa masih terdapat toponim yang menggunakan ejaan Rumi Lama. Fakta daripada statistik yang berikut juga mendukung kenyataan di atas:

**Carta Bar 1** : Statistik Toponim Negara Brunei Darussalam




Warta JKNG Brunei Darussalam 2012



Merujuk kepada **Carta Bar 2**: Statistik Toponim Negara Brunei Darussalam di atas bahawa setakat ini sejumlah 2164 nama yang dikumpulkan untuk proses penyelarasan. Daripada jumlah tersebut toponim yang dibenarkan ialah 1226 bagi Daerah Brunei Muara, 106 nama di Darerah Tutong, dan sejumlah 832 nama yang belum dibenarkan. Yang berikut ialah toponim kategori generik yang dieja dmenggunakan ejaan Rumi baru, iaitu kampung:

**Carta Bar 2:** Ejaan Toponim kategori generik (sistem ejaan Rumi baru)



(Data :Buku-buku Panduan Sempadan Mukim dan Kampung- 2009,2010, dan 2012)

**Carta Bar 2** merekodkan 439 toponim kategori generik dieja menggunakan ejaan Rumi baru, iaitu kampung. Rekod ini ialah bagi toponim bagi Daerah Brunei Murah berjumlah 192 toponim. Daerah Belait berjumlah 81 toponim. Di Daerah Tutong berjumlah 82 toponim. Sementara di Daerah Termburong 75 toponim. Dalam hal ini rekod yang dipaparkan dapat menjelaskan bahawa proses penyelarasan standardisasi ejaan toponim terkini dilakukan berperingkat-peringkat dengan memberi keutamaan pada daerah-daerah yang lebih membangun, iaitu Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait, dan diikuti oleh Daerah Temburong.

Daripada dokumentasi yang dinyatakan di atas, dapat dikesan beberapa senario akibat pertembungan sistem ejaan yang digunakan:

## 5.2 Kewujudan Variasi Sistem Ejaan

Pertembungan sistem ejaan Rumi yang berlangsung di negara Brunei Darussalam mencetuskan impak dalam program standardisasi toponim di negara ini, seperti wujudnya variasi sistem ejaan. Jadual yang berikut memaparkan beberapa contoh mengenainya:

**Jadual 2** : Kewujudan Variasi Sistem Ejaan Rumi

TOPONIM	
Pulau Chermin	Kampung Lurong Dalam
Kampung Tasek Maradun	Kampung Sungai Hanching
Kampung Burong Lepas	Kampung Pancha Delima
Kampung Tanjong Bunut	Kampung Lurong Dalam
Kampung Ujong Bukit	Kampung Panchor
Kampung Tamoi Ujong	Kampung Sungai Buloh

**Jadual 2** di atas memaparkan contoh ejaan toponim yang menggambarkan kewujudan variasi sistem ejaan, iaitu *ejaan nama kategori generik*, iaitu “kampung” bagi toponim-toponim yang tertera pada jadual di atas merupakan bentuk *sistem ejaan Rumi baru*. Sementara ejaan toponim kategori *spesifik* pula menunjukkan penggunaan sistem ejaan Rumi lama, iaitu pola a-e (Tasek), pola u-o (Burong, Ujong, Buloh), dan gugus konsonan (ch) pada ejaan toponim (Hanching dan Panchor). Dalam hal ini faktor utama penerimaan kewujudan variasi ejaan Rumi lama dan ejaan Rumi baru dalam program standardisasi toponim di negara ini ialah disebabkan kepentingan toponim-toponim yang melibatkan perundangan, terutamanya perubahan ejaan pada alamat yang melibatkan toponim-toponim yang sudah popular atau mantap penggunaannya, seperti bangunan-bangunan kerajaan, logo-logo syarikat, geran-geran tanah, alamat perniagaan dan lain-lain. Antara sebab lain pengekal ejaan yang tidak mengikut pola ejaan Rumi baru ialah piawaian UNGEGN yang menggalakkan penggunaan nama-nama tempatan yang menggambarkan bahasa dan tradisi tempatan. Seiring dengan piawaian UNGEGN, garis panduan mesyuarat JKNG juga mengizinkan program standardisasi toponim merentasi sistem tata bahasa bahasa Melayu. Prosedur ini seiring dengan **Prinsip 4** ...*Namun, dalam usaha menetapkan*

*ejaan nama, JKNG mengakui bahawa nama geografi, seperti juga nama khas yang lain, tidak semestinya tertakluk kepada peraturan ejaan yang terpakai untuk kata-kata lain dalam bahasa Melayu...*" (lihat Garis Panduan Penenteruan Nama Geografi Malaysia)

### 5.3 Sebutan Bahasa dan Dialek Tempatan Tidak Terjamin

Antara prosedur JKNG ialah menghendaki *supaya nama toponim hendaklah dieja dan disebut mengikut sistem ejaan dan sebutan baku bahasa Melayu...* Dalam hal ini kebanyakan ejaan toponim dieja seperti yang dikehendaki, contohnya Kampung Sungai *Besar*, Kampung Pandai *Besi*, dan Kampung Saba *Tengah*, walaupun dalam bahasa Melayu Brunei perkataan besar disebut sebagai *basar*, *tengah* disebut sebagai *tangah*, dan besi disebut sebagai *basi*. Namun dalam konteks Negara Brunei Darussalam yang mempunyai tujuh puak yang menuturkan bahasa atau dialek masing-masing, prosedur mengutamakan bahasa baku didapati mengekang kehendak prosedur JKNG yang menghendaki bahawa *"...Dalam hal-hal tertentu, amalan menamakan tempat hendaklah mengambil kira bahasa yang dituturkan pada masa kini oleh masyarakat tempatan..."* hal ini dikesan berdasarkan contoh-contoh ejaan toponim yang berikut:

**Jadual 3:** Toponim dalam dialek puak-puak jati Brunei

<b>Toponim</b>	<b>Dialek</b>
Kampung Burong Pingai Ayer	Dialek Melayu Brunei
Kampung Rambai	Dailek Dusun
Kampung Kariam	Dailek Tutong
Tajok Batu	Dailek Tutong
Kampung Sengkurong	Dialek Kedayan

**Jadual 3** memperlihatkan bahawa Kampung *Burong Pingai Ayer* diandaikan toponim ini sebagai bahasa Melayu Brunei oleh masarakat, tetapi



hasil lapangan yang didokumentasi dalam *Kamus Bahasa Melayu Brunei* bahawa “air” (bahasa Melayu standard) disebut sebagai “aing” [aiŋ] bukan ayer [ajer]<sup>5</sup> atau air [air] dalam bahasa Melayu Brunei. Manakala Kampung Rambai dalam dialek Dusun disebut sebagai [ɣambai] bukan [rambai], Kampung Kariam dalam dialek Tutong disebut sebagai [kayiom] bukan [kariam]. Begitu juga toponim “Tajok Batu” yang terdapat di Kampung Penanjong dalam dialek Tutong disebut sebagai [təɖʃu? batu<sup>h</sup>] bukan [təɖʒo? batu]. Bagi Dialek Kedayan pula Kampung Sengkurong disebut sebagai [seŋkuwəŋ]. Sebutan-sebutan toponim dalam dialek-dialek yang dituturkan dalam kalangan puak jati Brunei yang dinyatakan di atas ini dikesan tidak dapat disebut seperti dalam tuturan dialek-dialek tersebut. Faktor penyebab senario ini ialah kerana:

- i. Nilai sebutan atau bunyi fonem atau huruf-huruf ejaan Rumi sama ada ejaan Rumi lama mahupun dalam sistem ejaan Rumi baru tidak menjamin nilai sebutan toponim bahasa/dialek tujuh puak jati Brunei.
- ii. Dikesan kurangnya kepakaran linguistik dalam kalangan penyelidik toponim di Negara Brunei Darussalam. Dengan yang demikian penyelidik tidak dapat merakam sebutan sebenar.
- iii. Sikap sesetengah informan daripada puak jati menterjemah sebutan toponim ke dalam bahasa Melayu standard atau ke dalam bahasa Melayu Brunei, maka penyelidik pada ketika itu akan mencatat sebutan berdasarkan maklumat yang diberikan. Dalam keadaan lain, kadang kala informan kurang faham berbahasa Melayu sehingga dapatan data tidak jelas atau salah.

Namun dalam program standardisasi ejaan toponim yang menggunakan ejaan Rumi baru sekarang, dikesan adanya usaha-usaha mengeja dengan mengekalkan sebutan toponim tersebut dalam bahasa/dialek tempatan, contohnya ejaan toponim *Talaga Fitrah* (Warta JKNG, 2012), talaga ialah sebutan dalam bahasa Melayu Brunei yang bermaksud telaga. Dengan adanya usaha ini program standardisasi ejaan toponim di negara ini akan mengekalkan warisan budaya bangsa.

---

<sup>5</sup> Lambang fonetik (IPA) bagi huruf (y) = [j]. huruf (c) = [tʃ]. Huruf (j) = [dʒ]. Sebutan huruf (r) dalam bahasa/dialek Tutong dan Dusun (r) = [ɣ]

## 6. Cadangan

Berdasarkan hasil-hasil penelitian yang diuraikan, dikemukakan cadangan di bawah sesuai dengan tema seminar, yaitu Nama-nama tempat memelihara warisan budaya:

- i. Mengadakan sebutan toponim menggunakan lambang fonetik antarabangsa (IPA) pada data yang dimuat naik ke dalam portal JKNG.
- ii. Memuat naik sebutan alami toponim dengan merakam suara informan penutur bahasa atau dialek yang berkenaan.
- iii. Penyelidikan suatu toponim hendaklah merujuk kepada lebih daripada tiga orang informan penutur asli. Hal ini kerana terdapatnya variasi sebutan dalam kalangan puak yang sama. Contohnya ada yang menyebut [tanʃuʔ], [təŋʃuʔ], dan [təɗʃuʔ] untuk merujuk kepada kata *tanjung*.

## 7. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan bahawa standardisasi ejaan toponim bagi Negara Brunei Darussalam bermula dengan pengamalan ejaan Rumi lama dan menggunakan gabungan ejaan Rumi baru dan ejaan Rumi lama pada program standardisasi ejaan toponim terkini, iaitu:

- i. Setiap toponim *kategori generik* dieja menggunakan ejaan Rumi baru, contoh ejaan Tasek (ejaan lama) dieja sebagai tasik tanjong (ejaan lama) dieja sebagai tanjung, dan kampung (ejaan lama) dieja sebagai *kampung*. contoh *Kampung Meragang*, *Kampung Mata-Mata*.
- ii. Toponim kategori generik dieja menggunakan ejaan Rumi baru, sementara kategori spesifiknya dieja dengan ejaan Rumi Lama. Contohnya *Kampung Panchung* dan *Kampung Panchor*. Ini bermaksud *Kampung* ialah kategori generik, sementara *Panchung* dan *Panchor* ialah kategori spesifik.

- iii. Toponim *kategori generik* yang digunakan sebagai toponim *kategori spesifik* yang sudah mantap penggunaannya (misalnya digunakan sebagai penamaan jabatan kerajaan, geran tanah, nama syarikat atau bangunan yang berdaftar, dan lain-lain) maka toponim kategori spesifik ini akan dieja dengan mengekalkan ejaan Rumi lama. Contohnya Kampung *Tanjong Bunut*, dan Kampung *Tasek Meradun*.
- iv. Toponim baharu yang bersumberkan dialek-dialek tempatan akan dieja mengikut sebutan tempatan. Contoh *Kampung Talaga Tiga*.

Hal ini berlaku disebabkan desakan menjaga kepentingan-kepentingan toponim yang melibatkan hal-hal perundangan dan pengekalan pewarisan negara bangsa, khususnya pelestarian bahasa atau dialek tempatan. Sehubungan dengan kepentingan tersebut salah satu keunikan dalam program standardisasi di negara ini ialah penerapan tulisan Jawi pada papan-papan tanda kampung dan jalan, seperti paparan gambar di bawah:



### Contoh Papan Tanda Baru



Buku Peduan Sempadan Mukim dan Kampung Daerah Belait (2009)

**Berbanjar cemara di tanah rata,  
Tempat teduhan seburung murai,  
Segar mesra ejaan toponim bahasa kita  
Anugerah warisan usah terurai**

## Bibliografi

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2003). *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2009). *Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa Melayu*, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*New Oxford American Dictionary Version 2.0.2 (51.4) Copyright 2005-2007*

Jabatan Ukur. (2009). *Buku Panduan Sempadan Mukim dan Kampung Daerah Belait*, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Ukur

Jabatan Ukur. (2012). *Buku Panduan Sempadan Mukim dan Kampung Daerah Temburong*, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Ukur

Jabatan Ukur. (2010). *Buku Panduan Sempadan Mukim dan Kampung Daerah Brunei Muara*, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Ukur

## Internet

<http://d-maps.com/carte.php?>

[www.survey.gov.bn](http://www.survey.gov.bn)

## Warta:

Warta JKNG Brunei Darussalam (2012) Tahun 1 Bilangan 1